

KEDUDUKAN HANTARAN KAHWIN DALAM MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR

Siti Zaleha Ibrahim
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: sitizaleha@uis.edu.my

Hasliza Talib
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: hasliza@uis.edu.my

Nurul Syafini Abd Rahman
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: nurulsyafini@uis.edu.my

Nurul Hanis Nadiyah Ngaliman
Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor (UIS)
E-mel: hanisnadiyah@uis.edu.my

ABSTRAK

Sebahagian ahli masyarakat meletakkan keutamaan kepada pemberian hantaran kahwin berbanding mas kahwin. Ini dibuktikan dengan fenomena kadar hantaran kahwin yang dilihat semakin tinggi. Kekeliruan timbul kerana ketidakfahaman antara hukum hantaran kahwin dan mas kahwin. Justeru, kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat tentang hukum pemberian hantaran kahwin. Kajian juga membincangkan amalan pemberian hantaran kahwin di Malaysia dan kesan hantaran kahwin yang tinggi. Kajian dijalankan secara kuantitatif melalui tinjauan menggunakan borang soal selidik kepada masyarakat Islam di Selangor. Dapatan kajian berbentuk deskriptif secara peratusan mendapati hampir separuh responden tidak memahami hukum pemberian hantaran kahwin. Hasil kajian diharapkan agar masyarakat dapat membezakan adat dan syariat dalam kehidupan seharian seterusnya dapat memahami hukum sebenar pemberian mas kahwin dan hantaran kahwin sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam.

Kata kunci: kefahaman; hantaran kahwin; mas kahwin; Selangor

1. PENDAHULUAN

Pemberian hantaran telah menjadi adat dalam perkahwinan masyarakat melayu sejak dahulu lagi. Kebiasaannya, ia wujud dalam pelbagai bentuk sama ada wang, al-Quran, sejadah, baju sepersalinan, tuala dan barang kemas (Ibrahim et.al, 2018). Mohd Zubair (2018) dalam tesisnya menyatakan bahawa amalan hantaran ini dipercayai kesan dan pengaruh daripada amalan Hinduisme-Buddhisme yang telah menapak awal di Tanah Melayu sebelum kedatangan Islam.

Amalan pemberian hantaran merupakan satu tradisi yang telah lama tertanam dalam adat resam masyarakat Melayu, berfungsi sebagai simbol penghargaan dan persetujuan rasmi antara kedua-dua keluarga yang terlibat. Hantaran kahwin biasanya ditetapkan oleh pihak keluarga pengantin perempuan dan menunjukkan trend peningkatan nilai dari masa ke semasa.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Hantaran merujuk kepada satu bentuk pemberian hadiah yang biasanya terdiri daripada wang tunai serta barangan lain yang ditentukan oleh pihak keluarga perempuan dalam konteks majlis perkahwinan. Istilah ini juga dikenali sebagai duit hantaran dan barang hantaran, sebagaimana dijelaskan oleh Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1989). Selain itu, definisi hantaran menurut

Kamus Dewan (t.t) menegaskan bahawa hantaran merangkumi barang-barang berupa hadiah yang diserahkan oleh pihak pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Pendekatan definisi ini bukan sahaja menekankan nilai material hantaran, tetapi juga aspek simbolik yang melekat padanya, iaitu sebagai suatu tanda penghargaan, penghormatan, serta peneguhan nilai sosial dan budaya dalam tradisi perkahwinan masyarakat Melayu. Oleh itu, hantaran bukan sekadar transaksi material semata-mata, malah ia memuatkan dimensi budaya dan sosial yang mendalam, yang mencerminkan hubungan serta tanggungjawab antara dua pihak keluarga.

Hantaran kahwin berperanan sebagai lambang status sosial dan maruah keluarga, selain menjadi ukuran awal terhadap kemampuan bakal suami dalam menanggung tanggungjawab institusi perkahwinan. Walau bagaimanapun, perubahan dalam aspek sosial, ekonomi, serta pengaruh budaya telah menyumbang kepada peningkatan nilai hantaran yang kini mencapai ribuan ringgit, sekali gus menimbulkan beban kewangan kepada sebahagian pihak (Ibrahim et.al, 2018; Syed Husin, 2017).

Permasalahan utama dalam kajian ini ialah peningkatan kadar wang hantaran yang keterlaluan telah menyumbang kepada pelbagai isu sosial, antaranya menunda usia perkahwinan, tekanan kewangan terhadap bakal pengantin lelaki, malah boleh menyebabkan pertambahan kes pernikahan di sempadan serta perlakuan sosial yang tidak sihat. Terdapat juga kekeliruan masyarakat terhadap perbezaan hukum dan adat antara mas kahwin dan wang hantaran, sehingga ada yang menganggap wang hantaran sebagai satu syarat wajib pernikahan.

Justeru, penulisan ini akan mengenal pasti tahap pemahaman masyarakat tentang hantaran kahwin selain membincangkan kedudukan dan kadar hantaran kahwin. Kajian juga akan mengetengahkan implikasi hantaran kahwin yang tinggi dalam masyarakat.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui tinjauan secara soal selidik melibatkan 66 orang masyarakat awam di Selangor. Soal selidik diedarkan melalui rangkaian internet. Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al, 1996). Dapatan kajian adalah berdasarkan kajian bersifat rintis sebelum kajian sebenar yang bakal dilaksanakan pada masa akan datang.

Berdasarkan konsep kajian tersebut, satu set soal selidik telah dibina dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara. Borang soal selidik mengandungi 2 bahagian, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A adalah berkaitan profil demografi responden. Bahagian B pula berkaitan kedudukan hantaran kahwin dalam masyarakat.

Soal selidik ini menggunakan Skala Likert, iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala Likert digunakan bagi memudahkan responden untuk menjawab dan memudahkan analisis data.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Bahagian A: Demografi responden

Jadual 1: Taburan responden mengikut faktor demografi

Jantina	Bilangan Responden
Lelaki	17 (29.8%)
Perempuan	49 (72.2%)
Umur	Bilangan Responden
18-20 Tahun	17 (25%)
21-30 Tahun	39 (59.4%)
31-40 Tahun	6 (9.4%)
41-50 Tahun	0
51-60 Tahun	4 (6.2%)
61 Tahun Keatas	0
Tahap Pendidikan	Bilangan Responden
SRP/PMR/PT3	0
SPM	5 (7.6%)
STPM	2 (1.5%)
Diploma	20 (30.3%)
Sarjana muda	34 (53%)
Sarjana	5 (7.6%)
PhD	0
Status Perkahwinan	Bilangan Responden
Bujang	48 (73.4)
Berkahwin	18 (26.6)
Duda	0
Janda	0

4.2 Bahagian B: Kedudukan Hantaran Kahwin dalam Masyarakat

Jadual 2: Dapatan Kedudukan Hantaran Kahwin dalam Masyarakat

No	Perkara	STS	TS	TP	S	SS
1.	Hantaran kahwin dan mas kahwin adalah dua perkara yang sama dalam Islam.	41 (64.1%)	12 (18.8%)	0 (0%)	1 (1.6%)	10 (15.6%)
2.	Hantaran kahwin merupakan pemberian wajib oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan.	14 (21.2%)	19 (28.8%)	5 (7.6%)	10 (15.2%)	18 (27.3%)
3.	Kadar hantaran kahwin bergantung kepada kelayakan akademik seseorang wanita.	37 (56.1%)	10 (15.2%)	8 (12.1%)	5 (7.6%)	6 (9.1%)
4.	Kadar hantaran kahwin juga bergantung kepada taraf keluarga seseorang wanita.	26 (39.4%)	16 (24.2%)	8 (12.1%)	4 (6.1%)	12 (18.2%)
5.	Kadar hantaran kahwin meningkat dari masa ke semasa mengikut perubahan zaman.	9 (13.6%)	7 (10.6%)	14 (21.2%)	16 (24.2%)	20 (30.3%)
6.	Peningkatan kadar hantaran kahwin adalah untuk menampung kos-kos yang terlibat dalam perkahwinan.	10 (15.2%)	8 (12.1%)	14 (21.2%)	12 (18.2%)	22 (33.3%)
7.	Hantaran kahwin yang tinggi membebankan golongan lelaki.	5 (7.6%)	4 (6.1%)	7 (10.6%)	13 (19.7%)	37 (56.1%)
8.	Hantaran kahwin yang tinggi menyebabkan pihak lelaki terpaksa berhutang.	5 (7.6%)	6 (9.1%)	10 (15.2%)	15 (22.7%)	30 (45.4%)
9.	Hantaran kahwin yang tinggi memberi tekanan emosi kepada bakal pengantin.	4 (6.1%)	4 (6.1%)	9 (13.6%)	16 (24.2%)	33 (50%)
10.	Pemberian hantaran kahwin yang rendah sangat digalakkan kerana ia hanya adat sahaja.	5 (7.6%)	3 (4.5%)	14 (21.2%)	16 (24.2%)	28 (42.4%)

Analisis Bahagian B ini dibahagikan kepada 3 kategori iaitu pemahaman masyarakat tentang hantaran kahwin, kedudukan dan kadar hantaran kahwin dan kesan hantaran kahwin yang tinggi. Kategori pertama terdiri daripada 2 soalan manakala kategori kedua dan ketiga terdiri daripada 4 soalan. Setiap kategori akan diterangkan secara terperinci seperti berikut.

4.2.1 Pemahaman Masyarakat Tentang Hantaran Kahwin

Item pertama menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu 82.9%, menolak kenyataan bahawa hantaran kahwin dan mas kahwin adalah perkara yang sama dalam Islam. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil iaitu 17.2% responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa hantaran kahwin dan mas kahwin adalah perkara yang sama. Hal ini

menunjukkan bahawa masyarakat menyedari bahawa hantaran kahwin dan mas kahwin mempunyai status yang berbeza menurut hukum Islam.

Tidak dinafikan, masyarakat masih memahami mas kahwin dan hantaran adalah dua perkara yang sama. Persoalan “mas kahwin dan hantaran kahwin tu sama je kan?” adalah tanggapan paling biasa didengar. Hantaran kahwin dalam masyarakat Melayu dianggap suatu kewajipan adat yang penting dalam majlis perkahwinan. Ia melambangkan penghormatan dan kesungguhan lelaki serta menjadi suatu kebiasaan sosial yang kuat (Tania, 2025). Namun dari segi hukum syarak, hantaran tidak wajib, berbeza daripada mas kahwin yang merupakan pemberian wajib pengantin lelaki kepada pengantin perempuan.

Bagi item kedua pula, seramai 28 responden mewakili 42.5% bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa hantaran kahwin adalah pemberian wajib. Ini menunjukkan bahawa masih ramai yang menganggap hantaran sebagai kewajipan adat yang perlu wujud dalam proses perkahwinan. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa hampir separuh responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan kesedaran masyarakat bahawa hantaran kahwin bukanlah syarat sah perkahwinan dalam Islam. Terdapat juga 7.6% tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Jelas menunjukkan terdapat kekeliruan antara adat dan hukum agama, terutama dalam kalangan generasi muda.

Seperti yang dimaklumi, Islam hanya menetapkan kewajipan pemberian mas kahwin kepada pengantin perempuan. Pemberian daripada pengantin lelaki ini adalah sebagai tanda penghormatan serta penghargaan terhadap bakal isteri. Kewajipan ini dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: *"Dan berikanlah mahar kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian yang penuh kerelaan. Kemudian, jika mereka menyerahkan kepada kamu sebagian dari (mahar) itu dengan senang hati, terimalah dan nikmatilah pemberian itu dengan senang hati.*

(al-Nisa': 4)

4.2.2 Kedudukan dan Kadar Hantaran Kahwin

Peratusan tertinggi tema ini ialah pada pernyataan “Kadar hantaran kahwin meningkat dari masa ke semasa mengikut perubahan zaman”. Berdasarkan data yang diperolehi, seramai 20 responden mewakili 30.3% sangat setuju dan 16 responden (24.2%) responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh iaitu 54.5% bersetuju dan sangat bersetuju dengan item tersebut.

Tidak dinafikan, kadar hantaran kahwin meningkat dari masa ke semasa seiring dengan perubahan zaman. Ia dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti taraf pendidikan, status sosial, dan keadaan ekonomi. Peningkatan kadar hantaran ini telah berlaku sejak tahun 1990-an dan menjadi lebih ketara dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, dengan nilai minimum dan maksimum yang dibelanjakan meningkat kepada RM8,000 hingga RM30,000 (Syed Husin et al., 2022). Fenomena ini boleh menjadi beban kepada pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga dan turut menyumbang kepada trend kahwin lewat di Malaysia.

Dapatan kedua tertinggi pula adalah pada item “Peningkatan kadar hantaran kahwin adalah untuk menampung kos-kos yang terlibat dalam perkahwinan”. Kajian menunjukkan bahawa seramai 22 responden (33.8%) sangat setuju dan 11 responden (16.9%) bersetuju dengan item tersebut. Telah menjadi amalan kebiasaan apabila wang hantaran yang diberikan digunakan

bagi menampung biaya pengurusan kenduri perkahwinan (Azahari et al., 2009). Ini menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat berpendapat bahawa kenaikan hantaran adalah wajar bagi membantu menanggung perbelanjaan majlis perkahwinan, termasuk kos katering, pakaian pengantin dan sewaan dewan.

Item ketiga menunjukkan dapatan bahawa majoriti responden iaitu sebanyak 56.1%, menyatakan ketidaksetujuan yang kuat terhadap pernyataan bahawa kadar hantaran kahwin bergantung kepada kelayakan akademik wanita. Selain itu, 15.2% responden juga menyatakan ketidaksetujuan. Keputusan ini menggambarkan kecenderungan signifikan dalam masyarakat untuk menolak pandangan bahawa kelayakan akademik wanita menjadi faktor penentu dalam penetapan kadar hantaran kahwin yang tinggi. Sebaliknya, hanya 7.6% responden yang setuju dan 9.1% yang sangat setuju dengan pandangan tersebut. Golongan yang tidak pasti pula adalah 12.1%, memperlihatkan sebilangan kecil yang masih neutral atau tiada pendapat jelas mengenai isu ini.

Bagi item keempat iaitu “Kadar hantaran kahwin juga bergantung kepada taraf keluarga seseorang wanita”, dapatan menunjukkan bahawa 16 responden mewakili 24.3% bersetuju dan sangat setuju dengan item tersebut.

Analisis menunjukkan bahawa majoriti masyarakat menolak amalan menentukan kadar hantaran berdasarkan kelayakan akademik dan taraf keluarga seseorang wanita. Ini mungkin disebabkan kesedaran masyarakat bahawa pendidikan adalah hak setiap individu dan tidak sepatutnya membebankan keluarga dengan nilai hantaran yang tinggi. Begitu juga dengan taraf keluarga seseorang wanita. Ia tidak wajar dilihat sebagai sesuatu yang signifikan kepada penentuan kadar hantaran kahwin.

4.2.3 Kesan Hantaran Kahwin yang Tinggi

Dapatan tertinggi tema ini adalah pada pernyataan “Hantaran kahwin yang tinggi membebankan golongan lelaki”. Seramai 37 responden mewakili 56.1% sangat bersetuju dan 13 responden (19.7%) setuju bahawa hantaran kahwin yang tinggi membebankan golongan lelaki. Penetapan nilai wang hantaran yang terlalu tinggi kepada pengantin lelaki adalah sesuatu yang tidak wajar (Hasrulhamimie, t.t). Selain itu, perlu diingatkan bahawa Islam menyarankan agar hantaran kahwin hendaklah tidak membebankan sehingga boleh menghalang atau menyukarkan perkahwinan (Mohd Rasdan, 2022).

Seterusnya, hantaran kahwin yang tinggi boleh memberi tekanan emosi kepada bakal pengantin, terutama jika mereka merasa terbeban dengan kos yang tinggi. Lebih separuh iaitu 49 responden menyatakan sangat setuju dan setuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ketiga tertinggi pula adalah pada item “Hantaran kahwin yang tinggi menyebabkan pihak lelaki terpaksa berhutang”. 30 responden mewakili 45.5% sangat setuju dan 15 responden (22.7%) bersetuju dengan item tersebut. Ia menunjukkan faktor hantaran kahwin yang tinggi boleh menyebabkan pihak lelaki terpaksa berhutang untuk menampung kos perkahwinan. Menurut Mufti Pulau Pinang, Datuk Wan Salim Wan Mohd, penetapan hantaran yang terlalu tinggi boleh membebankan bakal pengantin lelaki hingga ada yang terpaksa berhutang untuk berkahwin (Mohd Rasdan, 2022).

Justeru, masyarakat perlu menetapkan kadar hantaran yang lebih munasabah agar pengantin lelaki tidak berhutang untuk memenuhi tuntutan pemberian hantaran kahwin tersebut. Pada masa yang sama, kadar hantaran yang munasabah ini tidak akan memberi tekanan emosi

kepada mereka. Perkahwinan seharusnya menjadi satu ibadah dan bukan memberi bebanan kewangan dan tekanan mental kepada individu yang ingin mendirikan rumah tangga.

5. PENUTUP

Hasil kajian mendapati hampir separuh responden tidak memahami hukum pemberian hantaran kahwin. Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti masyarakat menolak amalan penetapan kadar hantaran berdasarkan kelayakan akademik dan taraf keluarga seseorang wanita. Justeru, hantaran kahwin boleh diamalkan sebagai sebahagian daripada adat, asalkan ia selaras dengan ajaran Islam dan tidak membebankan mana-mana pihak. Masyarakat perlu menyedari bahawa nilai utama dalam perkahwinan bukan bergantung pada jumlah hantaran, tetapi terletak pada kasih sayang, tanggungjawab, serta keberkatan dalam rumah tangga. Hasil kajian diharapkan agar masyarakat dapat membezakan adat dan syariat dalam kehidupan seharian seterusnya dapat memahami hukum sebenar pemberian mas kahwin dan hantaran kahwin sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam.

6. RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. (1996). *Introduction to Research in Education*. Harcourt Brace College Publishers.

Azahari, R., Saripudin, K. N., & Abd Wahab, R. (2009). Hubungan di antara faktor demografi dengan penentuan kadar hantaran: Kajian di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. *Jurnal Fiqh*. 6(1), 107–124.

Hasrulhamimie. (t.t). Hantaran tinggi punca ramai lelaki hidup bujang. Diakses <https://baitulmuslim.com/artikel-tips-dan-petua/hantaran-tinggi-punca-ramai-lelaki-hidup-bujang>

Ibrahim, S. Z., Yama, P., & Talib, H. (2018, April). Hantaran kahwin dalam ‘urf perkahwinan Melayu: Satu kajian dari sudut fiqh kontemporari. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK 2018)*, 534–540.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid & Raihanah Azhari. (1989). *Undang-undang keluarga Islam: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. Karya Abazie.

Mohd Rasdan Ahmad. (Julai 26, 2022). Hantaran kahwin jangan ikut selera ‘orang kayangan’. Diakses https://www.kosmo.com.my/2022/07/26/hantaran-kahwin-jangan-ikut-selera-orang-kayangan/#google_vignette

Syed Husin, S. N. M. (2017). Gelagat perbelanjaan perkahwinan masyarakat Melayu Muslim menurut perspektif syariah. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.

Syed Husin, S. N. M., Azahari, R., & Ab Rahman, A. (2022). Prioriti dalam perbelanjaan urusan perkahwinan masyarakat Melayu menurut syarak. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 9(2), 101-120.

Tania Maisarah. (Mei 10, 2025). Apa Beza Mas Kahwin dan Hantaran? Diakses <https://www.eguru.my/beza-mas-kahwin-dan-hantaran/>